2013

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN

107 Memperkukuhkan Rangka Kerja Kehematan

114 Memelihara Integriti Sistem Kewangan

118 *Rencana: Memperkukuh Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)*

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan terus memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan keadaan yang menyumbang kepada kestabilan kewangan di samping menyokong pembangunan sektor kewangan. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) yang dikuatkuasakan pada Jun 2013 telah memperkukuh kuasa yang diperuntukkan kepada Bank untuk melaksanakan peranan pengawalan dan penyeliaan secara berkesan dalam landskap kewangan yang semakin kompleks. Susulan itu, keutamaan dalam pengawalseliaan Bank telah ditumpukan pada usaha menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang baharu, termasuk mengorientasikan semula tumpuan penyeliaan kewangan melangkaui institusi kewangan secara individu untuk mengambil kira risiko pada peringkat kumpulan dan sistem. Rangka kerja kehematan turut diperkukuh pada tahun 2013 sejajar dengan pembaharuan pengawalseliaan antarabangsa. Ini termasuk pelaksanaan piawaian modal yang diperkukuh di bawah Basel III dan keperluan yang lebih tinggi bagi dedahan kepada sesuatu rakan niaga (single counterparties). Bank juga terus mencapai kemajuan dalam usahanya untuk mengukuhkan lagi piawaian mudah tunai untuk institusi perbankan, di samping inisiatif yang lebih luas bagi menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap dalam industri kewangan.

Keutamaan dalam pengawalseliaan Bank telah ditumpukan pada usaha menguatkuasakan sepenuhnya undang-undang baharu

Tumpuan terus diberikan pada usaha memperkukuh perlindungan daripada ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Kemajuan terus dicapai dalam usaha menaikkan tahap pematuhan terhadap langkah-langkah untuk membanteras ancaman tersebut dalam industri perniagaan perkhidmatan wang. Bank juga telah mempergiat usaha menilai keberkesanan kawalan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering the financing of terrorism, AML/CFT) dalam institusi kewangan. Tindakan penguatkuasaan dan penyeliaan diteruskan terhadap institusi kewangan yang gagal mengawal risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan secara berkesan dalam operasi mereka. Langkah ini bertujuan memastikan institusi kewangan terus berwaspada terhadap ancaman tersebut, termasuk ancaman baharu yang timbul, dan mengambil langkah yang wajar untuk melindungi integriti sistem kewangan.

MEMPERKUKUH RANGKA KERJA KEHEMATAN

Pengawalan dan penyeliaan kumpulan kewangan

FSA dan IFSA menyediakan peruntukan untuk Bank melaksanakan pengawasan terhadap kumpulan kewangan bagi memastikan risiko daripada aktiviti syarikat gabungan institusi berlesen diurus dan dikawal dengan sewajarnya. Langkah ini merupakan suatu penambahbaikan yang ketara kepada rangka kerja undang-undang untuk sektor kewangan dan merintis jalan untuk Bank menyediakan rangka kerja kehematan bagi kumpulan kewangan yang akan memperkukuh rangka kerja kehematan sedia ada yang tertumpu pada peringkat entiti untuk melindungi pendeposit dan pemegang polisi. Rangka kerja tersebut akan menjadi semakin penting apabila institusi kewangan menawarkan produk yang inovatif dan memasuki pasaran yang baharu dalam usaha mencapai pertumbuhan dan kepelbagaian yang lebih tinggi.

Berikutan kajian menyeluruh ke atas struktur kumpulan serta ciri-ciri dan skop aktiviti kumpulan yang ada di Malaysia, Bank menggariskan pendekatan yang akan diambil untuk mengawasi kumpulan kewangan pada awal tahun 2014. Bank menjelaskan bagaimana sempadan kumpulan kewangan akan ditentukan untuk tujuan pengawalan dan penyeliaan berhemat,

dan seterusnya skop pengawalan dan penyeliaan yang akan digunakan. Secara amnya, Bank akan menghendaki institusi berlesen atau syarikat pemegangan kewangan yang berada pada kedudukan tertinggi dalam struktur sesebuah kumpulan kewangan sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan piawaian kehematan pada peringkat kumpulan – termasuk yang berkaitan dengan kecukupan modal dan mudah tunai, tadbir urus korporat dan pengurusan risiko. Entiti yang berada pada kedudukan tertinggi ini juga akan menjadi tumpuan utama dalam aktiviti penyeliaan, seperti mendapatkan maklumat bagi tujuan penilaian risiko ke atas kekukuhan kewangan kumpulan tersebut. Piawaian pada peringkat kumpulan ini akan melengkapi pendekatan pengawalan dan penyeliaan tradisional yang memberikan tumpuan kepada institusi berlesen atas asas sendirian (standalone basis) dengan memastikan rangka kerja kehematan juga mengambil kira risiko yang mungkin timbul kepada institusi berlesen akibat kesalinghubungan dan kebergantungannya dengan entiti lain dalam sebuah kumpulan kewangan dan pada peringkat kumpulan yang lebih luas. Sekiranya entiti ini dikawal selia oleh pihak berkuasa yang lain, Bank akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan dan asing yang berkaitan untuk memastikan kumpulan kewangan memenuhi piawaian kehematan yang dikehendaki. Ini termasuk kerjasama dengan pihak berkuasa penyeliaan negara asal bagi institusi berlesen milik asing untuk memastikan operasi di Malaysia berada di bawah penyeliaan dan pengawalan yang menangani secukupnya risiko di seluruh kumpulan terhadap institusi berlesen tersebut di Malaysia.

Bagi kumpulan dengan pelbagai entiti yang beroperasi dalam kedua-dua sektor perbankan dan sektor insurans atau takaful, entiti perbankan dan insurans atau takaful perlu diasingkan. Ini bagi membolehkan piawaian modal peringkat kumpulan yang merupakan rangka kerja kehematan yang penting dapat dilaksanakan secara berkesan kepada kumpulan entiti yang beroperasi dalam dua sektor yang berbeza. Pengasingan itu juga bertujuan memastikan Bank dan kumpulan kewangan mempunyai tumpuan yang jelas terhadap pengurusan dan kawalan risiko seluruh kumpulan kepada institusi perbankan dan entiti insurans atau takaful. Sekiranya sesebuah syarikat pemegangan kewangan yang diluluskan merupakan sebahagian daripada konglomerat perindustrian, Bank boleh menghendaki supaya langkah perlindungan tambahan dilaksanakan bagi mengurangkan risiko penularan ke atas kumpulan kewangan dan institusi berlesen dalam kumpulan tersebut. Ini termasuk keperluan untuk memastikan urus niaga dan dedahan dalam kumpulan berada dalam had yang berhemat.

Piawaian kehematan pada peringkat kumpulan akan diperkenalkan secara beransur-ansur bermula tahun 2014

Kebanyakan kumpulan perbankan tempatan yang terbesar telah pun diterajui oleh institusi perbankan berlesen atau syarikat pemegangan kewangan yang ditetapkan oleh Bank sebelum penggubalan FSA dan IFSA. Institusi dan syarikat tersebut akan terus menjadi entiti tertinggi bagi tujuan penyeliaan dan pengawalan seluruh kumpulan di bawah FSA dan IFSA. Untuk kumpulan kewangan yang selebihnya, Bank menjangka akan meluluskan entiti tertinggi yang berkaitan pada separuh pertama tahun 2015. Entiti tertinggi yang diluluskan akan bertanggungjawab mewujudkan dan melaksanakan dasar dan prosedur pada peringkat kumpulan untuk memastikan kumpulan kewangan mematuhi keperluan kehematan secara bersepadu. Ini juga akan membolehkan Bank mempunyai pandangan yang wajar terhadap risiko peringkat kumpulan yang ketara yang boleh memberikan kesan kepada institusi berlesen.

Piawaian kehematan pada peringkat kumpulan akan diperkenalkan secara berperingkat bermula dari tahun 2014. Set pertama piawaian yang berkaitan dengan kecukupan modal untuk kumpulan perbankan yang diterajui oleh syarikat pemegangan kewangan akan dikeluarkan untuk maklum balas industri pada separuh pertama tahun 2014. Ini akan diikuti oleh piawaian tadbir urus korporat dan pengurusan risiko untuk semua kumpulan kewangan, dan piawaian pengurusan mudah tunai untuk kumpulan perbankan.

Pembangunan piawaian kecukupan modal untuk kumpulan insurans juga sedang dirancang, namun ia tidak akan dilaksanakan dalam

tempoh yang terdekat. Ini bagi membolehkan Bank mengambil kira hasil usaha yang sedang dijalankan oleh Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa (International Association of Insurance Supervisors, IAIS) untuk membentuk satu piawaian modal insurans global yang akan menyediakan satu pendekatan antarabangsa yang seragam untuk mengendalikan dedahan merentas sempadan. Piawaian kecukupan modal kumpulan yang dicadangkan juga akan dibangunkan bagi menangani dedahan risiko tergabung dalam operasi konvensional dan takaful. Pada masa ini, kebanyakan kumpulan insurans di Malaysia tidak mempunyai operasi yang ketara di luar Malaysia atau dalam sektor bukan insurans. Sebilangan kecil kumpulan insurans aktif dalam industri pengurusan dana yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti. Faktor-faktor ini mengehadkan potensi risiko penularan daripada mengancam keselamatan dan kekukuhan entiti insurans dan takaful berlesen pada masa ini, sementara piawaian modal seluruh kumpulan bagi kumpulan insurans di Malaysia dibangunkan.

Keperluan kecukupan modal dan mudah tunai dalam sektor perbankan

Piawaian modal kawal selia yang lebih tinggi di bawah pakej pembaharuan Basel III telah dilaksanakan di Malaysia bermula 1 Januari 2013. Selain meningkatkan tahap modal minimum yang diperlukan, kualiti penampan modal dalam sistem perbankan sedang ditingkatkan melalui keperluan bagi instrumen modal supaya memiliki ciri menyerap kerugian yang jelas, seperti penukaran kepada ekuiti atau menghapus kira instrumen apabila institusi perbankan tidak lagi berdaya maju. Pengiraan modal yang lebih berhemat juga telah diterima pakai untuk mengambil kira, antara lain, tahap ketidakpastian yang lebih tinggi berkaitan dengan penilaian instrumen kewangan dan harta tanah yang tertentu.

Institusi perbankan terus mengekalkan kedudukan modal yang kukuh di bawah piawaian modal yang lebih tinggi, dan menyokong aktiviti pengantaraan domestik. Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1) untuk sistem perbankan Malaysia berada pada 12.1% pada akhir tahun 2013, jauh melebihi 3.5% yang diperlukan pada tahun 2013 dan 4.0% yang akan berkuat kuasa pada tahun 2014. Tahun 2013 juga menyaksikan institusi perbankan terus menggunakan program pelaburan semula dividen dan menerbitkan instrumen modal baharu yang mematuhi piawaian Basel III untuk mengukuhkan lagi penampan modal lebih awal dari garis masa yang diberi untuk keperluan pengawalseliaan tersebut dikuatkuasakan sepenuhnya. Setakat akhir tahun 2013, enam institusi perbankan telah memperoleh lebih daripada RM3.3 bilion melalui terbitan instrumen modal Kumpulan 2 yang memenuhi keperluan untuk menampung kerugian yang lebih tinggi.

Enam institusi perbankan telah memperoleh lebih daripada RM3.3 bilion melalui terbitan instrumen modal Kumpulan 2 yang memenuhi keperluan untuk menampung kerugian yang lebih tinggi

Penentukuran piawaian mudah tunai baharu yang selaras dengan piawaian Basel III juga telah mencapai kemajuan. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Bank, piawaian ini akan dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2015. Berikutan semakan ke atas Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision) pada bulan Januari 2013 untuk meminda takrifan aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) dan perincian semula kadar aliran masuk dan aliran keluar tunai, Bank telah mengemas kini keperluan pelaporan `tempoh pemerhatian´ (`observation period´) pada bulan Julai 2013 bagi memudahkan penilaian ke atas kesan kuantitatif daripada peraturan baharu bagi sektor perbankan domestik. Walaupun LCR dari segi konsepnya sama dengan rangka kerja mudah tunai sedia ada yang dilaksanakan di Malaysia, namun pengukuran yang lebih luas dan lebih terperinci ke atas dedahan risiko mudah tunai di bawah LCR akan terus memperkukuh kedudukan daya tahan sistem perbankan terhadap kejutan mudah tunai yang teruk.

Institusi perbankan telah menambah baik sistem pengumpulan maklumat dan pelaporan untuk mematuhi keperluan pelaporan mengenai kedudukan mudah tunai berdasarkan piawaian Basel III. Keperluan pelaporan ini telah diperkenalkan sejak tahun 2012 sebagai sebahagian daripada tempoh pemerhatian sebelum peraturan mudah tunai yang muktamad

diterima pakai di Malaysia. Walaupun kedudukan LCR sebenar akan ditentukan berdasarkan bagaimana parameter akhirnya disesuaikan di bawah peraturan mudah tunai Bank yang muktamad, laporan awal menunjukkan bahawa purata LCR sektor perbankan pada akhir tahun 2013 melebihi 90%, dengan majoriti institusi perbankan melaporkan kedudukan LCR yang melebihi 100% – jauh melebihi tahap pematuhan minimum 60% yang diperlukan pada tahun 2015 di bawah Basel III. Walau bagaimanapun, kedudukan ini dijangka terus meningkat kerana institusi perbankan terus mengukuhkan kedudukan pendanaan mereka – termasuk melalui mempelbagaikan sumber pendanaan, membangunkan produk baharu seperti deposit jangka kematangan tetap dengan pembatasan yang eksplisit untuk pengeluaran awal, dan menerbitkan instrumen hutang senior jangka panjang – dan meningkatkan lagi kualiti sistem dalaman untuk mengumpul dan melaporkan maklumat tentang risiko mudah tunai.

Data daripada laporan dalam tempoh pemerhatian juga menunjukkan sebahagian besar daripada stok HQLA yang dipegang oleh institusi perbankan mempunyai kualiti yang paling tinggi, dan termasuk dalam takrif aset `Peringkat 1´ (`Level 1´). Aset Peringkat 1 ini – yang ditakrifkan sebagai aset yang boleh ditukar dengan mudah dan serta-merta kepada wang tunai dengan sedikit atau tanpa kehilangan nilai walaupun dalam keadaan tertekan, dan termasuk sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh kerajaan dan bank-bank pusat – mencakupi hampir 80% daripada HQLA yang dilaporkan, jauh melebihi paras minimum 60% seperti yang dinyatakan dalam peraturan itu. HQLA selebihnya yang dilaporkan terdiri daripada aset `Peringkat 2´ (`Level 2´) termasuk sekuriti hutang korporat dengan penarafan yang tinggi. Walaupun Jawatankuasa Basel juga membenarkan pengiktirafan yang terhad bagi sekuriti hutang korporat yang bertaraf lebih rendah, ekuiti yang tersenarai dan sekuriti bersandarkan gadai janji harta kediaman dalam aset Peringkat 2, ini mencakupi hanya sebahagian kecil (4%) daripada stok HQLA yang dipegang oleh institusi perbankan. Pasaran bon dan sukuk domestik, yang merupakan salah satu pasaran yang terbesar dan paling dalam di rantau ini, dijangka terus menyediakan bekalan HQLA yang mencukupi untuk memenuhi keperluan agregat penampan mudah tunai sistem perbankan. Pada akhir tahun 2013, sekuriti boleh niaga dalam denominasi ringgit yang layak dikira sebagai HQLA Peringkat 1 bernilai RM636.6 bilion. Sepanjang lima tahun yang lalu, terbitan bersih HQLA dalam denominasi ringgit meningkat pada sekitar 13% setiap tahun. Ini merupakan petanda yang baik dalam penyediaan bekalan aset yang stabil bagi memenuhi keperluan sistem perbankan pada masa hadapan.

Suatu pertimbangan yang penting dalam rangka kerja mudah tunai di Malaysia ialah jumlah ketara dan sifat unik pendanaan borong yang menyumbang lebih daripada 60% jumlah deposit yang diterima. Sebahagian daripada dana borong dalam sistem perbankan merupakan deposit yang disimpan oleh skim simpanan persaraan wajib seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim persaraan lain. Memandangkan peranan simpanan persaraan yang ketara dalam menyalurkan sebahagian besar pendanaan daripada isi rumah kepada sektor perbankan, peraturan mudah tunai yang dicadangkan untuk diterima pakai di Malaysia akan mempertimbangkan pilihan untuk olahan ke atas skim-skim tersebut. Olahan ini akan mengambil kira, antara lainnya, kestabilan sumber pendanaan ini pada dasarnya, dan sebarang pembatasan yang dikenakan ke atas pelaburan dana ini ke luar negara.

Pasaran bon dan sukuk domestik dijangka terus menyediakan bekalan HQLA yang mencukupi untuk memenuhi keperluan agregat penampan mudah tunai sistem perbankan

Bank dijangka mengeluarkan kertas konsep tentang piawaian mudah tunai yang baharu ini pada pertengahan tahun 2014. Selain olahan ke atas deposit borong, cadangan ini akan mengambil kira skop aset Peringkat 2 yang boleh diiktiraf sebagai HQLA, olahan ke atas obligasi pendanaan luar jangka yang mana kadar ketirisan (run-off rate) tidak ditetapkan oleh Jawatankuasa Basel, dan olahan ke atas pendanaan tidak sepadan (funding mismatches) merentas mata wang.

Keperluan kualitatif juga akan terus memainkan peranan yang penting dalam rangka kerja

pengawalan dan penyeliaan untuk memastikan amalan pengurusan mudah tunai yang kukuh oleh institusi perbankan. Ini dapat dilihat melalui penambahbaikan yang dibuat oleh Bank baru-baru ini kepada rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko bagi memperkukuh penekanan ke atas penilaian penyeliaan terhadap risiko mudah tunai. Bank juga merancang dalam tempoh terdekat untuk mengeluarkan piawaian mengenai pengurusan risiko mudah tunai yang bertujuan meningkatkan amalan industri dalam bidang seperti ujian tekanan dan perancangan luar jangka, penetapan had risiko mudah tunai dan penentuan harga pindahan mudah tunai. Piawaian ini akan mengambil kira pemerhatian penyeliaan semasa ke atas amalan pengurusan risiko mudah tunai, dan akan memperkukuh penggunaan metrik mudah tunai seperti pematuhan terhadap LCR dan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih untuk meningkatkan lagi daya tahan sistem perbankan terhadap tekanan mudah tunai.

Had ke atas dedahan kepada sesuatu rakan niaga

Keperluan pengawalseliaan yang telah ditambah baik mengenai dedahan institusi perbankan kepada sesuatu rakan niaga (juga dirujuk sebagai Had Dedahan kepada Sesuatu Rakan Niaga atau Single Counterparty Exposure Limit, SCEL) telah diperkenalkan pada 1 Mac 2013. SCEL berfungsi sebagai langkah penahan (`backstop´) untuk mengelakkan penumpuan yang berlebihan dalam dedahan risiko yang boleh mengancam kedudukan kewangan institusi perbankan dengan ketara. Perubahan utama dalam keperluan pengawalseliaan ialah: (i) takrifan `dedahan´ yang lebih luas untuk mendapatkan dengan lebih baik pelbagai cara yang mungkin menyebabkan dedahan kedudukan kewangan institusi perbankan akibat kemerosotan dalam kedudukan kredit rakan niaga; (ii) menyediakan skop untuk institusi perbankan menggunakan penghindar risiko kredit sebagai satu cara untuk meningkatkan dedahan mereka kepada sesuatu rakan niaga; dan (iii) menjelaskan agregat dedahan kepada rakan niaga yang berkaitan.

Berikutan maklum balas yang diterima daripada industri dan data tambahan yang dianalisis oleh Bank dalam tempoh pelaksanaan awal, Bank terus memperkemas SCEL pada bulan Disember 2013 untuk mengawal kesan keperluan ke atas aktiviti pengunderaitan dan perlindungan nilai yang tidak meningkatkan risiko penumpuan dengan ketara kepada institusi perbankan. Institusi perbankan dikehendaki mematuhi sepenuhnya keperluan semakan ini bermula 1 Mac 2015.

Keperluan kecukupan modal dalam sektor insurans dan takaful

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT) berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 susulan pelaksanaan secara selari selama satu tahun. Dalam persediaan untuk menerima pakai RBCT, usaha secara meluas telah diambil oleh pengendali takaful pada tahun 2013, termasuk menilai strategi perniagaan dan pelaburan, menambah baik profil risiko serta mengukuhkan amalan pengurusan risiko. Usaha ini telah membantu melancarkan lagi peralihan kepada rejim yang baharu. Caj modal yang dijajarkan kepada risiko di bawah RBCT telah meningkatkan dengan ketara insentif untuk mengukuhkan aktiviti pengunderaitan risiko, dan dengan pelaksanaannya, pengendali takaful telah membuat pelaburan yang besar untuk menambah baik sistem IT dan pengurusan maklumat yang menyokong analisis dan pemantauan risiko yang lebih berkesan. Selain memastikan pengendali takaful mempunyai modal yang kukuh, Bank menghendaki penambahbaikan yang berterusan dan lebih cepat dalam amalan pengurusan risiko yang diterima pakai oleh pengendali takaful. Kehendak ini berikutan penekanan yang lebih tinggi yang diberikan oleh RBCT ke atas lembaga pengarah dan pihak pengurusan pengendali takaful untuk melaksanakan rancangan dan strategi pengurusan modal yang berkesan.

Salah satu objektif rangka kerja modal bagi institusi kewangan ialah meningkatkan keseragaman piawaian merentas sektor perbankan, insurans dan takaful dengan sewajarnya. Sehubungan dengan itu, Bank akan mempertimbangkan kesesuaian penambahbaikan yang diperkenalkan di bawah rangka kerja kecukupan modal untuk institusi perbankan untuk diperluaskan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful. Bank dijangka tidak membuat apa-apa perubahan yang ketara ke atas rangka kerja yang sedia ada sehingga kemajuan yang lebih besar dicapai dalam pembangunan piawaian modal insurans pada peringkat global oleh IAIS. Walau bagaimanapun, Bank akan meneruskan perubahan yang perlu untuk mengemas kini piawaian penilaian yang diterima pakai untuk instrumen kewangan dan kontrak insurans di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans

(Risk-Based Capital Framework for Insurers, RBC) dan RBCT sejajar dengan penggunaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 susulan pelaksanaan secara selari selama satu tahun

Penilaian kecukupan modal dalaman
Selain keperluan modal pengawalseliaan minimum yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan, syarikat insurans dan pengendali takaful di bawah rangka kerja kecukupan modal masing-masing, institusi kewangan juga dikehendaki menjalankan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (Internal Capital Adequacy Assessment Process, ICAAP) untuk memastikan institusi kewangan mengekalkan modal yang cukup secara berterusan untuk menyokong operasi perniagaan dan menguruskan apa-apa risiko yang tidak dijangka yang boleh menjejaskan kedudukan kewangan institusi kewangan tersebut.

Bagi sektor perbankan, Bank telah membuat peninjauan kali kedua ke atas rangka kerja ICAAP institusi perbankan pada tahun 2013 berbanding dengan keperluan yang digariskan dalam garis panduan ICAAP yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2010. Selain menilai tahap pematuhan rangka kerja ICAAP institusi terhadap garis panduan Bank, tinjauan ini juga menilai keberkesanan program tersebut dalam memenuhi objektif amalan risiko dan modal yang kukuh seperti yang dikehendaki.

Bank mendapati kemajuan selanjutnya telah dicapai oleh industri perbankan dalam usaha memperkukuh infrastruktur pembangunan program ICAAP. Ini termasuk penggunaan pendekatan yang lebih berpandangan hadapan bagi pengurusan modal dan teknik pengukuran risiko yang lebih terperinci. Tahap penglibatan yang tinggi oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam pengawasan ICAAP juga diperlihatkan, dengan ICAAP berfungsi sebagai alat yang semakin penting untuk menyepadukan keputusan strategi perniagaan, pengurusan risiko dan pengurusan modal dalam institusi perbankan. Terutamanya, penyediaan rangka kerja yang lebih formal mengenai kesanggupan mengambil risiko (risk appetite) telah mendapat sambutan dalam industri perbankan, sekali gus menggariskan hubungan yang lebih jelas antara kedudukan modal institusi dengan dedahan risiko yang berpunca daripada aktiviti perniagaan. Rangka kerja ini seterusnya digunakan sebagai panduan dalam pelan strategik dan perniagaan bagi kebanyakan institusi perbankan. Institusi perbankan juga terus melabur dalam sistem maklumat dan infrastruktur pelaporan untuk menyokong ICAAP, sekali gus meningkatkan proses membuat keputusan.

Sebagai sebahagian daripada ICAAP, institusi perbankan juga dikehendaki menetapkan sasaran modal dalaman yang mencerminkan profil risiko dan rancangan perniagaan, di samping merangka strategi bagi mencapai dan mengekalkan tahap modal yang telah disasarkan. Pemerhatian Bank telah mendapati sasaran modal dalaman secara formal telah diterima pakai secara lebih meluas dalam sektor perbankan, dengan majoriti institusi perbankan menyasarkan nisbah Jumlah Modal sebanyak 12% atau lebih. Walau bagaimanapun, proses untuk menentukan sasaran modal boleh terus diperbaiki, khususnya melalui pengukuhan proses ujian tekanan untuk mencerminkan pendekatan yang lebih mantap bagi mengenal pasti senario dan andaian keadaan ekonomi dan operasi masa hadapan. Senario dan andaian yang pelbagai seharusnya membantu penilaian sasaran modal dan kesan daripada peristiwa yang menjejaskan tahap modal. Institusi perbankan juga perlu mempertimbang usaha menambah baik lagi mekanisme untuk memantau dan mengekalkan secara berwibawa tahap modal sejajar dengan sasaran modal dalaman dan rancangan modal yang diluluskan.

Bagi sektor insurans, penanggung insurans hayat dan am telah dikehendaki melaksanakan ICAAP sejak tahun 2012 bagi memperkukuh sasaran modal dalaman yang perlu dipatuhi oleh penanggung insurans di bawah RBC. Sama seperti institusi perbankan, Bank mendapati penanggung insurans telah memberikan lebih penekanan terhadap interaksi antara risiko dengan modal, khususnya melalui penyediaan penyata tahap kesanggupan mengambil risiko (risk appetite statement) dan pemformalan rancangan pengurusan modal. Walau bagaimanapun, masih terdapat skop untuk integrasi selanjutnya bagi rangka

kerja kesanggupan mengambil risiko dengan dasar pengurusan modal. Bank juga telah menggalakkan penanggung insurans supaya memastikan rancangan pengurusan modal menyediakan panduan yang jelas mengenai tindakan pemulihan yang akan diambil apabila nilai ambang modal utama tidak dapat dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada proses penyeliaan, Bank akan terus menilai pelaksanaan ICAAP oleh penanggung insurans dan menilai kemajuan yang dicapai untuk mengatasi apa-apa kelemahan yang dikenal pasti. Dalam sektor takaful, berikutan pelaksanaan RBCT, kehendak pengawalseliaan bagi pengendalian ICAAP oleh pengendali takaful akan dikeluarkan pada tahun 2014. Meskipun sebahagian besarnya serupa dengan ICAAP bagi penanggung insurans, kehendak tersebut juga akan mengambil kira ciri-ciri model perniagaan yang unik kepada pengendali takaful dan ciri khusus kontrak kewangan Islam yang dimeterai oleh pengendali takaful.

Peranan aktuari

Aktuari dilantik mempunyai peranan yang penting dalam rangka kerja kehematan bagi menggalakkan pengurusan kewangan yang baik oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Rangka kerja kehematan meletakkan tanggungjawab pada aktuari dilantik untuk mengesahkan kecukupan rizab yang dipegang oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk memenuhi liabiliti polisi. Aktuari dilantik juga bertanggungjawab menyediakan laporan mengenai kedudukan kewangan penanggung insurans atau pengendali takaful yang digunakan sebagai asas untuk menyokong pengawasan lembaga pengarah terhadap hal ehwal kewangan institusi. Laporan kedudukan kewangan juga digunakan dalam penilaian penyeliaan oleh Bank. Pada tahun 2013, Bank telah mengkaji semula piawaian kehematan yang sedia ada mengenai aktuari dilantik. Hasil daripada kajian semula ini, Bank telah membentangkan cadangan pada Jun 2013 untuk mengukuhkan piawaian ini, yang diselaraskan dengan amalan terbaik antarabangsa, untuk maklum balas industri. Selaras dengan perluasan skop bagi peruntukan mengenai aktuari dilantik dalam FSA dan IFSA, cadangan ini juga meliputi keperluan yang terpakai bagi aktuari yang dilantik oleh penanggung insurans dan pengendali takaful am.

Cadangan yang telah dibuat ini adalah untuk meningkatkan kedudukan aktuari dilantik dengan menghendaki aktuari dilantik mempunyai akses secara langsung kepada lembaga pengarah, dan memastikan aktuari memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha meningkatkan tahap pemahaman lembaga pengarah dan pengurusan mengenai isu berkenaan bidang aktuari. Ini termasuk memberikan penekanan yang lebih bagi memastikan isu berkaitan bidang aktuari disampaikan dengan jelas dan tepat pada masanya, serta risiko dan implikasi kewangan daripada isu tersebut difahami sepenuhnya oleh pihak yang bukan pakar dalam bidang ini. Cadangan turut ditumpukan pada usaha mengukuhkan keberkesanan fungsi kawalan yang dijalankan oleh aktuari dilantik. Ini termasuk cadangan yang memerlukan aktuari dilantik sebagai pekerja sepenuh masa untuk penanggung insurans atau pengendali takaful, dan pengasingan tanggungjawab yang lebih jelas bagi aktuari dilantik daripada tanggungjawab penentuan harga yang mungkin bercanggah dengan kewajipannya untuk mengesahkan kecukupan rizab insurans atau takaful.

Maklum balas daripada industri terutamanya berkisar pada implikasi cadangan ini terhadap permintaan tenaga mahir aktuari di Malaysia. Kadar permintaan dijangka lebih ketara dalam industri insurans dan takaful am. Bank mengakui bahawa pendekatan pragmatik termasuk pengaturan bagi peralihan yang sesuai dengan inisiatif jangka panjang untuk membangunkan kumpulan tenaga mahir aktuari mungkin diperlukan untuk melaksanakan piawaian yang lebih tinggi dan menyokong pertumbuhan operasi insurans dan takaful domestik pada masa hadapan. Bank kini hampir memuktamadkan piawaian yang akan mencerminkan pertimbangan ini.

Penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko bagi pinjaman runcit

Pada tahun 2013, piawaian juga telah dikeluarkan untuk menggalakkan penentuan harga pinjaman runcit dan produk pembiayaan yang kukuh. Ini bukan sahaja penting untuk daya maju jangka panjang pemberi pinjaman, tetapi juga untuk menggalakkan pasaran kredit yang kukuh. Walaupun piawaian pinjaman secara amnya kekal berhemat di seluruh sektor perbankan dan kewangan pembangunan, amalan penentuan harga yang lebih agresif oleh pemberi pinjaman disebabkan persaingan yang meningkat telah diperhatikan dalam segmen pinjaman runcit. Ini boleh meningkatkan risiko portfolio terutamanya apabila model penentuan harga yang kurang mantap tidak

membolehkan institusi perbankan mengenal pasti dan mengurus segmen risiko yang salah penentuan harganya. Piawaian penentuan harga berasaskan pengetahuan risiko bertujuan mengurangkan risiko ini dengan menghendaki peminjam menyediakan anggaran realistik kos dan kerugian yang dijangka daripada pinjaman runcit dan produk pembiayaan dalam segmen yang berbeza, di samping memastikan implikasi strategi penentuan harga yang terpilih difahami dengan baik dan dicerminkan oleh rancangan pengurusan modal dan risiko institusi perbankan tersebut. Dalam tempoh dua tahun sejak julung kalinya Bank mengumumkan rancangannya untuk melaksanakan piawaian ini, pemberi pinjaman telah mencapai kemajuan yang besar untuk mengatasi kelemahan yang penting dalam data dan sistem yang telah menjadi halangan kepada piawaian ini diterima pakai lebih awal. Piawaian ini akan dikuatkuasakan pada bulan Mac 2014.

Piawaian telah dikeluarkan untuk menggalakkan penentuan harga pinjaman runcit dan produk pembiayaan yang kukuh

Akaun pelaburan Islam
Bagi mencerminkan perkembangan yang berterusan dalam sistem kewangan Islam di Malaysia, IFSA memperkenalkan perbezaan yang jelas antara `deposit Islam´ dengan `akaun pelaburan´ selaras dengan prinsip Syariah. Di bawah undang-undang ini, akaun pelaburan disyaratkan tidak boleh menjamin bayaran balik jumlah pokok dan pulangan ke atas wang yang dibayar ke dalam akaun. Sebaliknya, jumlah pokok dan pulangan bergantung pada prestasi aset yang mendasari akaun itu. Berbanding dengan deposit, akaun pelaburan mendedahkan pelabur kepada risiko yang lebih tinggi. Oleh itu, satu piawaian telah dicadangkan oleh Bank pada bulan Mac 2013 bagi menggalakkan pengurusan akaun pelaburan yang mapan. Cadangan itu meliputi keperluan untuk memastikan pengaturan pengawasan dan pengurusan risiko yang sewajarnya dilaksanakan untuk mengurus pelaburan yang mendasari akaun ini dan mendukung pematuhan Syariah. Cadangan tersebut juga mengambil kira tanggungjawab penzahiran dan urusan yang saksama bagi melindungi pelabur.

Institusi perbankan harus mematuhi keperluan akhir selewat-lewatnya pada bulan Jun 2015, apabila pengasingan antara deposit Islam dengan akaun pelaburan berkuat kuasa sepenuhnya di bawah undang-undang selepas tempoh peralihan selama dua tahun.

MEMELIHARA INTEGRITI SISTEM KEWANGAN

Industri perniagaan perkhidmatan wang
Rejim pengawalseliaan yang diperkukuh di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Money Services Business Act 2011, MSBA), di samping aktiviti penyeliaan yang dipertingkat, terus menyokong pembangunan industri perniagaan perkhidmatan wang secara teratur. Aktiviti yang termasuk dalam industri ini ialah perkhidmatan pengurupan wang, pengiriman wang dan perniagaan mata wang borong.

Pada tahun 2013, penambahbaikan yang ketara dapat dilihat dalam amalan penyimpanan rekod oleh penyedia perkhidmatan wang. Ini dicerminkan oleh peningkatan penggunaan sistem berkomputer serta dokumentasi yang lebih baik dalam urus niaga perniagaan perkhidmatan wang. Penyedia perkhidmatan wang juga telah melaksanakan dasar dan prosedur AML/CFT, daripada rangka kerja asas yang diwujudkan dalam kalangan entiti yang lebih kecil, sehinggalah kepada pengaturan yang lebih menyeluruh untuk entiti yang lebih besar. Bank terus bekerjasama dengan industri untuk meningkatkan keberkesanan dasar dan amalan AML/CFT pada peringkat industri, melalui pendidikan, interaksi melalui tugasan penyeliaan dan tindakan penguatkuasaan yang merupakan pemacu penting yang digunakan oleh Bank bagi mencapai matlamat ini.

Pada tahun 2013, bilangan entiti berlesen telah menurun kepada 474 berbanding 515 pada tahun 2012. Ini merupakan hasil penggabungan dalam industri tersebut dan penyerahan lesen oleh entiti yang lebih kecil yang memilih untuk menjadi ejen kepada penyedia perkhidmatan wang yang lebih besar dan lebih kukuh. Bilangan ejen meningkat kepada 208 pada tahun 2013, termasuk entiti yang merupakan pemegang lesen yang diluluskan untuk menjadi ejen dalam segmen perkhidmatan perniagaan wang yang lain. Perubahan struktur ini telah menghasilkan sinergi perniagaan yang lebih nyata dan membolehkan pengawasan dan pengawalan yang lebih berkesan ke atas penyedia

perkhidmatan wang di samping menggalakkan tahap persaingan yang sihat. Pada masa ini, terdapat sepuluh pemegang lesen prinsipal yang dibenarkan melantik ejen, dan mereka mempunyai peranan penting untuk meningkatkan piawaian industri dan mengukuhkan perlindungan terhadap risiko penyalahgunaan industri ini untuk tujuan haram. Pemegang lesen prinsipal dikehendaki menyediakan pengawasan, latihan dan sistem yang berkesan bagi memastikan ejen mereka mematuhi keperluan pengawalseliaan. Kehendak ini ditetapkan dengan jelas dalam rangka kerja pengawasan ejen perniagaan perkhidmatan wang yang dikeluarkan oleh Bank. Dalam melaksanakan penyeliaan industri, Bank turut menilai keberkesanan pengaturan pengawasan ejen yang dilaksanakan oleh pemegang lesen prinsipal.

Dua hasil penting dalam rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang telah dipertingkat untuk perniagaan perkhidmatan wang ialah penyediaan akses yang lebih meluas kepada orang ramai untuk perkhidmatan wang melalui saluran yang sah dan menambah baik proses pemantauan ke atas urus niaga perniagaan perkhidmatan wang. Kemajuan yang nyata telah dicapai dalam kedua-dua aspek ini di mana nilai kiriman wang ke luar negara yang lebih tinggi dicatat pada tahun 2013 yang berjumlah RM25.1 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 27% daripada RM19.7 bilion yang dicatat pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, ejen kiriman wang menyumbang kira-kira RM1 bilion yang melibatkan 1.1 juta urus niaga, sekali gus menunjukkan bahawa rangkaian cawangan dan ejen yang lebih luas telah meningkatkan akses kepada saluran kiriman wang yang sah. Pada masa yang sama, jumlah perniagaan pengurupan wang terus berkembang sebanyak 22% kepada RM52 bilion, berbanding dengan RM42.5 bilion pada tahun 2012, sebahagian besarnya disebabkan oleh penambahbaikan dalam sistem penyimpanan rekod.

Dalam sektor perniagaan mata wang borong, sebanyak RM4.6 bilion urus niaga domestik telah direkodkan pada tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 35% berbanding RM3.4 bilion yang dilaporkan pada tahun 2012. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan yang mampan untuk pertukaran mata wang asing, di samping kehadiran pemborong mata wang yang semakin meningkat di seluruh Malaysia yang menyediakan perkhidmatan yang lebih diyakini, cekap serta kompetitif dari segi kos, bagi memenuhi keperluan pengurup wang berlesen untuk mendapat dan menjelaskan mata wang asing. Kehadiran pemborong mata wang yang meningkat ini juga telah membantu mengurangkan risiko yang berkaitan dengan saluran alternatif untuk mendapatkan mata wang asing daripada sumber yang tidak dapat ditentukan kesahihannya.

Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia dilancarkan pada bulan Januari 2014 dengan tujuan untuk membina keupayaan dan menaikkan taraf profesionalisme industri perkhidmatan wang

Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia yang dilancarkan pada bulan Januari 2014 dijangka melengkapkan usaha Bank untuk memacu dan melaksanakan inisiatif bagi membina keupayaan dan meningkatkan taraf pematuhan dan profesionalisme industri perkhidmatan wang. Keutamaan terdekat persatuan ini ialah menyediakan kod tingkah laku profesional dan beretika bagi industri ini; menyediakan latihan dan pendidikan tentang keperluan di bawah undang-undang yang berkaitan dan amalan perniagaan yang teguh, termasuk yang berkaitan dengan pematuhan AML/CFT; meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai tanggungjawab mereka untuk berurusan hanya dengan penyedia perkhidmatan wang yang dibenarkan; dan membantu dari segi hubungan dan interaksi yang lebih bermakna dengan Bank supaya dapat melaksanakan keperluan pengawalseliaan yang konsisten dan berkesan di seluruh industri.

Penilaian rangka kerja AML/CFT Malaysia berbanding dengan piawaian antarabangsa

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, Malaysia tekad untuk melindungi sistem kewangannya daripada digunakan untuk menyimpan atau menyalur dana haram yang dikaitkan dengan kegiatan jenayah dan aktiviti keganasan. Sebagai ahli Kumpulan Asia/Pasifik berkenaan Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group on Money Laundering, APG), Malaysia menjalani Program Penilaian Bersama

(Mutual Evaluation Exercise) secara berkala untuk menilai tahap pematuhan terhadap piawaian antarabangsa AML/CFT. Penilaian Bersama ini dijadualkan pada tahun 2014, susulan penilaian sama yang dilakukan pada tahun 2007. Penilaian pada tahun 2014 akan dibuat berdasarkan piawaian antarabangsa Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF) yang ditambah baik pada tahun 2012. Penilaian kali ini adalah lebih terperinci dan melangkaui penilaian pematuhan teknikal dengan menilai keberkesanan rangka kerja AML/CFT untuk menghalang dan mencegah penggunaan sistem kewangan bagi tujuan pengubahan wang daripada hasil jenayah atau pembiayaan aktiviti kumpulan pengganas. Bank menganggap penilaian yang akan dilakukan sebagai satu peluang untuk mengenal pasti bidang yang perlu dipertingkatkan lagi dalam rejim AML/CFT di Malaysia.

Pelaksanaan Penilaian Bersama Kumpulan Asia/Pasifik berkenaan Pengubahan Wang Haram dijadualkan pada tahun 2014

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Bank telah mengorak langkah yang ketara dalam usaha meningkatkan rangka kerja AML/CFT, termasuk penambahbaikan yang dihuraikan dalam rencana bertajuk `Memperkukuh Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)´. Bank, dengan kerjasama Kementerian dan agensi penguatkuasaan undang-undang, juga memulakan usaha secara meluas pada peringkat domestik pada tahun 2013 untuk mengenal pasti dan memahami risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang dihadapi oleh negara ini. Sejajar dengan amalan antarabangsa yang dianjurkan oleh FATF, penilaian risiko negara (national risk assessment, NRA) bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan utama dan risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dalam pelbagai sektor di negara ini. Ini dapat membantu memberikan keutamaan dalam penggunaan sumber bagi menangani risiko berimpak tinggi dengan cara yang lebih berkesan dan bersasaran, termasuk memberikan tumpuan penyeliaan yang lebih tinggi ke atas sektor yang dikenal pasti atau entiti yang dinilai sebagai berisiko lebih tinggi.

Penilaian penyeliaan ke atas amalan AML/CFT di institusi kewangan

Memandangkan peranan institusi kewangan dalam pengantaraan kewangan dan penyaluran aliran dana merentas sempadan, sistem kewangan tetap menjadi tumpuan utama dalam inisiatif Bank memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Penilaian penyeliaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan institusi kewangan telah melaksanakan program yang diperlukan bagi menangani ancaman pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang sentiasa berubah. Penilaian secara tematik yang telah dijalankan oleh Bank pada tahun 2013 menunjukkan beberapa institusi kewangan telah meningkatkan pelaburan dalam sistem maklumat. Pengurusan risiko AML/CFT juga disepadukan dengan lebih rapi dengan keseluruhan fungsi pengurusan risiko dalam institusi tersebut. Bank turut mendapati tahap kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan tentang risiko dan implikasi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Berhubung dengan laporan transaksi mencurigakan (suspicious transaction reports, STRs), secara amnya terdapat peningkatan dalam kualiti amalan STR oleh institusi kewangan. Walau bagaimanapun, Bank mengambil maklum bahawa terdapat beberapa institusi kewangan yang masih belum membangunkan dan melaksanakan sepenuhnya sistem yang sesuai bagi memudahkan pemantauan berterusan yang berkesan ke atas akaun pelanggan dan corak urus niaga. Ini menyebabkan tiada laporan STR dikemukakan dalam sesetengah keadaan. Dari segi usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD), masih terdapat ruang untuk institusi kewangan meningkatkan lagi cara bagaimana pekerja barisan hadapan menjalankan CDD serta menilai risiko pengubahan wang dan pembiayaan keganasan semasa berurusan dengan bakal pelanggan dan pelanggan sedia ada.

Penguatkuasaan

Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan sangat penting dalam usaha Bank melindungi sistem kewangan daripada disalahgunakan. Bank telah menyiasat dan mendakwa kesalahan jenayah terhadap pesalah di bawah undang-undang yang ditadbir olehnya. Pada tahun 2013, sebanyak 1,823 tuduhan

Jadual 3.1

Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil pada Tahun 2013

Pengambilan deposit haram	• 16 tuduhan di bawah seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 terhadap dua syarikat dan tujuh individu.
Pengubahan wang haram	• 1,793 tuduhan di bawah seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001, AMLATFA) terhadap 33 individu dan syarikat yang melibatkan RM8.3 bilion dan 11 kg emas. • Satu permohonan pelucuthakan sivil di bawah seksyen 56(1) AMLATFA difailkan terhadap dua responden yang melibatkan RM129,275.
Penyediaan perkhidmatan kewangan yang tidak dibenarkan	• Pembatalan lesen satu pengurup wang di bawah Akta Pengurupan Wang 1998 (Money-Changing Act 1998, MCA) bagi penyediaan perkhidmatan kiriman wang yang tidak dibenarkan. • 14 tuduhan di bawah MCA dan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 terhadap 11 entiti, tujuh daripadanya telah disabitkan kesalahan.

dibuat oleh Bank terhadap syarikat dan individu yang disiasat kerana menjalankan skim dan aktiviti haram (Jadual 3.1). Beberapa tindakan penguatkuasaan ini telah diambil secara bersama dengan Kementerian dan agensi lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan – terutamanya apabila kesalahan itu melangkaui bidang kuasa pihak berkuasa tempatan yang lain. Bagi kes yang mana Bank tidak terlibat secara langsung dalam pendakwaan sesuatu kesalahan, Bank memainkan peranan dalam menyediakan risikan kewangan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Selain sekatan jenayah, penguatkuasaan juga disokong oleh tindakan penguatkuasaan secara pentadbiran dan sivil yang diambil oleh Bank terhadap institusi di bawah kawal selianya berikutan ketidakpatuhan. Secara khusus, denda monetari juga dikenakan terhadap institusi kewangan yang gagal melaksanakan langkah pematuhan AML/CFT yang sewajarnya. Hukuman seperti ini memainkan peranan penting untuk melengkapkan tindakan penyeliaan yang lain bagi memastikan institusi kewangan menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan bagi mengesan dan menghalang pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Pada tahun 2013, denda monetari berjumlah RM0.7 juta telah dikenakan terhadap dua institusi perbankan dan lapan pengurup wang atas pelbagai ketidakpatuhan terhadap AMLATFA dan peruntukan berkenaan AML/CFT. Dalam industri perniagaan perkhidmatan wang, tindakan telah diambil terhadap 24 entiti pada tahun 2013. Tindakan ini termasuk pengenaan denda monetari berjumlah RM0.6 juta atas ketidakpatuhan terhadap kehendak pengawalseliaan dan operasi di bawah Akta Pengurupan Wang 1998 dan MSBA, dan penyingkiran individu yang bertanggungjawab (key responsible persons) bagi kesalahan yang lebih serius.

Memperkukuh Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)

Mengambil kira peningkatan ancaman kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (money laundering and terrorism financing, ML/TF) sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak negara termasuk Malaysia telah meningkatkan langkah-langkah untuk membangunkan rejim pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and counter financing of terrorism, AML/CFT) agar ia menjadi lebih mantap dan dapat memastikan Malaysia mampu bertindak balas terhadap risiko dan kelemahan yang berubah-ubah secara lebih berkesan. Usaha ini dilaksanakan dengan tujuan untuk melindungi sistem kewangan dan ekonomi negara. Rejim AML/CFT di Malaysia dibangunkan berdasarkan empat tunggak utama, iaitu rangka kerja undang-undang yang komprehensif, pelaksanaan langkah pencegahan, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan, serta kerjasama erat antara agensi di dalam dan luar negara.

Tunggak pertama ialah rangka kerja undang-undang yang komprehensif yang merangkumi pelbagai kesalahan berkaitan ML/TF, memberikan kuasa penyiasatan dan pendakwaan yang secukupnya kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan, serta pelbagai bentuk hukuman yang setimpal dan bersifat mencegah.

Seterusnya, tunggak pertama ini diperkukuh oleh tunggak kedua – pelaksanaan langkah-langkah pencegahan untuk mengesan dan mencegah kegiatan ML/TF dalam urus niaga kewangan yang dijalankan oleh institusi kewangan serta perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (designated non-financial business and professions, DNFBP[1]).

Secara keseluruhannya, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA) dan keperluan pengawalan yang berkaitan adalah bertujuan untuk memastikan institusi-institusi pelapor melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan mewujudkan program dan kawalan risiko AML/CFT yang bersesuaian dengan risiko ML/TF serta selaras dengan profil perniagaan institusi-institusi pelapor tersebut. Usaha sedang dijalankan untuk mengukuhkan lagi AMLATFA dan keperluan pengawalseliaan sebagai tindak balas terhadap risiko-risiko baharu dan yang baru timbul dan juga untuk mencerminkan peningkatan amalan industri yang berkembang bagi menangani risiko ML/TF.

Tunggak ketiga ialah penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkesan untuk mewujudkan suatu persekitaran yang dapat mencegah kegiatan ML/TF. Tindakan penyiasatan dan penguatkuasaan yang disokong oleh maklumat risikan kewangan pada masa yang tepat terus dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Sebagai pihak berkuasa yang berwibawa di bawah AMLATFA, Bank berfungsi sebagai Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Unit, FIU) yang bertanggungjawab menganalisis laporan yang dikemukakan oleh institusi pelapor menurut obligasi di bawah AMLATFA dan mengemukakan maklumat risikan kewangan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. FIU juga menjalankan aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap institusi pelapor di bawah bidang kuasa Bank.

Tunggak keempat ialah kerjasama dan penyelarasan yang erat antara agensi di dalam dan di luar negara. Pada peringkat domestik, Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC) yang ditubuhkan sejak April 2000, terus memainkan peranan penting bagi memperkukuh kerjasama antara pelbagai agensi yang terlibat bagi membanteras kegiatan ML/TF, serta menyelaras inisiatif dasar dan strategik antara agensi. Ini termasuk usaha secara bersama untuk menyiasat dan mendakwa kegiatan jenayah yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang. Pada peringkat antarabangsa, keanggotaan dalam Kumpulan Unit Perisikan Kewangan Egmont telah menyediakan

[1] Perniagaan dan profesion bukan kewangan yang ditetapkan (DNFBP) termasuk kasino, peguam, akauntan, peniaga logam dan batu permata, perniagaan perjudian, pemberi pinjaman wang, broker pajak gadai, syarikat amanah dan ejen harta tanah.

landasan untuk Malaysia bekerjasama terutamanya dalam perkongsian maklumat dan bidang latihan. Kerjasama dengan rakan agensi antarabangsa juga terus diperkukuh. Pada tahun 2013, Bank telah menandatangani dua lagi memorandum persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) dengan unit perisikan kewangan Republik Afrika Selatan dan St Kitts-Nevis, menjadikan bilangan MoU yang ditandatangani sehingga kini sebanyak 37.

Pindaan kepada AMLATFA

Pada tahun 2013, Bank melalui saluran NCC telah mencadangkan beberapa pindaan kepada AMLATFA dan telah menyemak keperluan pengawalseliaan yang sedia ada agar selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan rangka kerja AML/CFT kekal relevan dan berkesan untuk membanteras ancaman kegiatan ML/TF.

Sehubungan dengan itu, cadangan pindaan kepada AMLATFA telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen pada Disember 2013 yang bertujuan untuk:

(i) Mempertingkat kejelasan peruntukan-peruntukan dalam obligasi pelaporan

Pindaan ini akan memperjelas kehendak pengawalseliaan dan obligasi institusi pelapor apabila melaksanakan usaha wajar pelanggan (customer due diligence, CDD), termasuk keperluan yang lebih luas berhubung dengan penyimpanan dokumen. Pindaan ini juga akan menyediakan peruntukan yang eksplisit supaya institusi pelapor mengemukakan laporan transaksi yang mencurigakan (suspicious transaction reports, STR) tentang transaksi yang disyaki terlibat dengan pembiayaan keganasan. Bagi melindungi kerahsiaan maklumat yang dilaporkan kepada Bank, pindaan khusus juga dicadangkan supaya tindakan memberikan maklumat kepada pelanggan selepas STR dikemukakan kepada Bank dianggap sebagai suatu perbuatan jenayah.

(ii) Memperkukuh langkah mengenai pengisytiharan wang tunai / instrumen pembawa boleh niaga (bearer negotiable instruments, BNI) untuk pemindahan merentas sempadan

Memandangkan kebimbangan antarabangsa yang meningkat berhubung dengan pemindahan tunai atau BNI merentas sempadan untuk tujuan ML/TF, keperluan terhadap pengisytiharan tunai akan diperluas bagi merangkumi pemindahan wang tunai atau BNI melalui kargo, mel atau cara lain dan juga keperluan baharu mengenai pengisytiharan tunai yang diterima dari luar Malaysia. Pindaan ini juga memberikan kuasa khusus kepada pihak berkuasa penguatkuasaan untuk menyita apa-apa wang tunai atau BNI yang tidak diisytiharkan.

(iii) Memperluas skop kesalahan dan memperkukuh kuasa penguatkuasaan

Cadangan pindaan ini akan memperluas skop kesalahan pengubahan wang haram untuk meliputi apa-apa benda atau apa-apa harta yang digunakan berkaitan dengan perlakuan sesuatu kesalahan yang serius di samping memperluas takrifan tentang hasil yang diperoleh daripada kegiatan haram. Amalan menstrukturkan urus niaga untuk mengelakkan keperluan pelaporan nilai ambang tunai yang ditetapkan juga akan dianggap sebagai suatu kesalahan.

Peruntukan berhubung dengan pembekuan, penyitaan dan pelucuthakan aset yang sedang disiasat juga akan diperluas dengan memberikan kuasa kepada agensi penguatkuasaan undang-undang untuk mengubah atau membatalkan perintah pembekuan harta. Bagi memastikan hukuman yang dikenakan mampu mencegah dengan berkesan, pindaan ini akan menambah hukuman maksimum bagi kesalahan ML kepada 15 tahun penjara, dan denda tidak kurang lima kali ganda daripada jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana yang lebih tinggi.

Penyemakan ke Atas Keperluan Pengawalseliaan

Keperluan AML/CFT yang pertama kali dikeluarkan di bawah AMLATFA pada tahun 2006 juga telah disemak pada tahun 2013 bagi menyokong pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT yang lebih berkesan oleh pengawal selia dan institusi pelapor. Semakan ini juga memasukkan perubahan

yang akan menggalakkan penggunaan keperluan AML/CFT yang lebih konsisten di seluruh sektor kewangan termasuk industri sekuriti dan institusi kewangan di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Keperluan ini juga dipertingkatkan dengan memasukkan kehendak yang lebih tinggi berikutan perubahan terkini dalam piawaian antarabangsa AML/CFT.

Keperluan pengawalseliaan yang telah disemak ini juga mencerminkan penekanan yang lebih tinggi kepada pelaksanaan kaedah pendekatan berasaskan risiko bagi mengurus dan mengawal risiko kegiatan ML/TF. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan langkah AML/CFT yang dilaksanakan oleh institusi pelapor setara dengan tahap risiko semasa, disamping mengambil kira kesan buruk akibat daripada pelaksanaan langkah AML/CFT secara sembarangan, yang boleh menyebabkan pengguna dan perniagaan yang sah terpinggir daripada sistem kewangan formal.

Bank telah menyemak dan mengeluarkan lima dasar AML/CFT kepada sektor kewangan termasuk sektor perniagaan perkhidmatan wang, DNFBP dan sektor bukan kewangan yang masing-masing berkuat kuasa pada bulan September 2013 dan November 2013. Semakan ini meliputi bidang-bidang berikut:

(i) Pengenalan kepada pendekatan berasaskan risiko untuk AML/CFT

Institusi pelapor kini dikehendaki menerima pakai pendekatan berasaskan risiko untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko kegiatan ML/TF berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan operasinya. Pendekatan ini termasuk keperluan bagi institusi pelapor untuk menjalankan penilaian risiko dan pemprofilan risiko pelanggan secara menyeluruh serta melaksanakan kawalan, dasar dan prosedur dalaman yang sewajarnya bagi mengelakkan perniagaan mereka daripada disalahgunakan sebagai saluran kegiatan ML/TF.

(ii) Keperluan CDD yang diperincikan dan diperkukuhkan

Dengan mengambil kira saiz urus niaga secara purata dan maklum balas daripada agensi penguatkuasaan, nilai ambang CDD untuk urus niaga pertukaran wang telah disemak dan diturunkan daripada RM20,000 kepada RM3,000 dan RM10,000. Institusi pelapor kini dikehendaki mengenal pasti dan merekodkan maklumat pengenalan pelanggan atau pemilik benefisial bagi urus niaga melebihi RM3,000; manakala bagi urus niaga melebihi RM10,000, institusi pelapor dikehendaki menyimpan satu salinan pengesahan dokumen pengenalan. Nilai ambang yang disemak ini akan mengukuhkan lagi perlindungan terhadap risiko kegiatan ML/TF dalam sektor perniagaan perkhidmatan wang.

Selaras dengan usaha untuk menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih meluas, senarai dokumen pengenalan yang boleh diterima untuk tujuan pengesahan CDD juga telah diperluas. Keperluan ini membenarkan penggunaan apa-apa dokumen rasmi yang mengandungi gambar pelanggan atau pemilik benefisial, dengan syarat institusi pelapor berpuas hati dengan kesahihan dokumen yang telah dikemukakan.

Bagi menyelaraskan keperluan ini dengan piawaian antarabangsa, keperluan yang berkaitan dengan individu yang mempunyai pengaruh politik (PEP) telah diperluas kepada PEP domestik[2] dan individu yang diamanahkan dengan fungsi penting oleh sesebuah organisasi antarabangsa. Institusi pelapor kini dikehendaki mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada pelanggan atau pemilik benefisial merupakan PEP domestik atau individu yang diamanahkan dengan fungsi penting oleh sesebuah organisasi antarabangsa, membuat penilaian risiko, dan menggunakan langkah CDD yang sesuai dengan tahap risiko yang dikenal pasti.

[2] PEP domestik ditakrifkan sebagai individu yang sedang atau telah diamanahkan pada peringkat domestik dengan fungsi awam yang penting, sebagai contoh Ketua Negara atau kerajaan, ahli politik kanan, pegawai kanan kerajaan, pegawai kehakiman atau pegawai tentera, eksekutif kanan perbadanan milik negara, pegawai penting dalam parti politik

(iii) Penambahbaikan kepada keperluan program pematuhan AML/CFT

Keperluan program pematuhan AML/CFT telah disemak untuk meningkatkan standard pematuhan oleh institusi-institusi pelapor. Keperluan ini termasuk kehendak yang lebih tinggi terhadap fungsi pematuhan dan keperluan bagi pegawai pematuhan untuk memenuhi kriteria minimum ``layak dan sesuai´´. Objektif penting keperluan ini adalah untuk memastikan institusi pelapor memberikan keutamaan yang secukupnya terhadap langkah AML/CFT dalam aktiviti perniagaan utama institusi, dan meningkatkan peranan pegawai pematuhan untuk mendorong penambahbaikan langkah AML/CFT dalam institusi pelapor. Memandangkan kepentingan sektor perbankan dan insurans dalam sistem kewangan, Bank telah memperkenalkan keperluan tambahan untuk memastikan pegawai pematuhan di institusi kewangan mempunyai kedudukan tertentu, kuasa dan kekananan supaya dapat mempengaruhi keputusan berhubung dengan tahap pematuhan keperluan AML/CFT dengan berkesan.

Mengambil kira peranan penting lembaga pengarah, terutamanya dalam institusi kewangan dan institusi pelapor yang lebih besar untuk mewujudkan persekitaran yang wajar dan mempengaruhi budaya institusi masing-masing, keperluan yang disemak turut menjadikan ahli lembaga bertanggungjawab secara khusus ke atas keseluruhan akauntabiliti dan pengawasan program AML/CFT dalam institusi pelapor.

(iv) Pengenalan keperluan baharu tentang pelaporan kumpulan kewangan

Untuk memastikan aktiviti kumpulan kewangan tidak mengakibatkan risiko yang tidak wajar kepada integriti sistem kewangan, Bank kini menetapkan agar kumpulan kewangan melaksanakan program pematuhan AML/CFT di seluruh kumpulan dan melantik seorang pegawai pematuhan kumpulan untuk AML/CFT. Keperluan ini akan memastikan program pematuhan AML/CFT dilaksanakan secara konsisten di seluruh kumpulan dan memudahkan penyeliaan AML/CFT yang disatukan oleh Bank.

(v) Perjelasan keperluan berhubung dengan urusan pelanggan dari negara berisiko tinggi

Memandangkan pendedahan kepada urus niaga rentas sempadan dan pelanggan yang berasal dari negara lain yang semakin meningkat, Bank telah mempertingkat kehendak pengawalseliaan terhadap institusi kewangan yang berurusan dengan pelanggan dari negara yang dianggap sebagai berisiko lebih tinggi oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF[3]) atau Kerajaan Malaysia. Selain CDD, institusi pelapor dikehendaki menggunakan langkah pencegahan yang setara dengan risiko yang berkaitan dengan pelanggan atau urus niaga ini. Langkah ini termasuk mengkaji hubungan sedia ada dengan pelanggan atau institusi di negara yang berisiko lebih tinggi, dan meningkatkan intensiti dan kekerapan audit ke atas cawangan dan anak syarikat yang beroperasi di negara yang berisiko lebih tinggi.

Beberapa sesi penerangan tentang keperluan yang disemak semula ini telah diadakan untuk semua sektor utama dan akan diteruskan pada tahun 2014 bagi menyokong pelaksanaan keperluan ini oleh institusi pelapor dan menambah baik program pematuhan AML/CFT dan pengurusan risiko mereka.

[3] FATF ialah sebuah badan antara kerajaan yang membangunkan dan menggalakkan dasar untuk melindungi sistem kewangan global daripada pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pembiayaan senjata pemusnah besar-besaran. Pada masa ini, keahlian FATF terdiri daripada 34 negara anggota dan dua badan serantau.